

	<p style="text-align: center;">SIARAN MEDIA Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013</p>
---	---

**PPJ DAN JKMWPKL TINGKAT KUALITI WARGA EMAS DI
WILAYAH PERSEKUTUAN**

PUTRAJAYA, 21 Februari – Seramai 1,000 pengunjung memeriahkan Karnival Warga Emas Putrajaya 2019 yang berlangsung di Dewan Persidangan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMWPKL).

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Presiden PPj. Turut hadir bersama-sama Encik Azmir Bin Kassim, Pengarah Bahagian Warga Emas JKM dan Puan Fatimah Zuraidah Binti Haji Salleh, Pengarah JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bertemakan 'Sejahtera Warga Emasku', karnival yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk melestarikan warga emas di Wilayah Persekutuan agar menjalani penuaan sihat, aktif dan produktif. Selain itu, karnival ini juga adalah bagi meningkatkan kesedaran fenomena penuaan kepada masyarakat khususnya di kalangan warga emas.


Bermula dari jam 7.00 pagi hingga 1.00 petang, pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya senamas, *explorace*, pertandingan suara emas, pertandingan gubahan bunga serta pameran dan jualan produk warga emas. Sesi forum turut diadakan dalam membincangkan dua topik iaitu "Persediaan di Hari Emas" dan "Penuaan Sihat" menampilkan panel pakar daripada Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Amanah Raya Berhad, Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 apabila mencapai 15 peratus daripada

keseluruhan jumlah penduduk Negara terdiri daripada warga yang berumur 60 tahun dan ke atas. Selaras dengan keperluan semasa dan akan datang, kerajaan telah melancarkan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) bagi mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri serta dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, aktif, produktif di samping menyokong meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.

Berdasarkan statistik, jumlah warga emas di Putrajaya adalah seramai 3,400 orang iaitu 3.76% daripada 90,400 penduduk di Putrajaya. Bagi memastikan kesejahteraan warga emas, pihak PPj telah mengambil inisiatif dengan menyediakan satu tempat Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di D'Kiblat Walk, Kompleks Perbadanan Putrajaya sebagai tempat warga emas untuk menjalankan aktiviti harian dalam komuniti.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347 / 019-3354346 atau e-mel ke alamat m.fairus@ppj.gov.my.



(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 21 Februari 2019